

## *Penggunaan Rutin Berfikir Mata Kompas bagi Meningkatkan Kemahiran Interaksi Lisan Pelajar*

**Norhamidah Hassan**


[norhamidah\\_hassan@moe.edu.sg](mailto:norhamidah_hassan@moe.edu.sg)

Sekolah Geylang Methodist (Menengah)

### *Abstrak*

Para pelajar didapati menghadapi masalah mengembangkan idea terutama sekali bagi pembelajaran interaksi lisan berasaskan video sebagai stimulus. Masalah ini sudah pasti akan menjejaskan kelakonan mereka semasa ujian lisan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meningkatkan kemahiran lisan dan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dalam menjana idea. Rutin berfikir Mata Kompas dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas telah digunakan sebagai wahana untuk mencapai matlamat kajian ini. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar didapati mampu menghasilkan pendapat peribadi yang berkesan mengenai isu-isu yang diketengahkan dan berupaya berbual mengenainya sekali gus membantu meningkatkan keupayaan kemahiran lisan mereka.

Kata Kunci: Rutin berfikir, Mata Kompas, kemahiran interaksi lisan, keupayaan berfikir, pengembangan idea, pemikiran terbatas



## PENGENALAN


Masalah mengembangkan isi perbincangan dan pemikiran yang terbatas sering menghambat kelakonan pelajar dalam ujian lisan di sekolah. Berdasarkan keprihatinan ini, guru-guru telah mencuba kaedah pengajaran menggunakan alat rutin berfikir yang dapat membantu para pelajar untuk berfikir secara sistematik dan berstruktur.

Rutin berfikir Mata Kompas (MK) yang merupakan salah satu rutin berfikir dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible* – MTV) digunakan untuk membantu pelajar mengupas isu-isu semasa dalam aktiviti perbincangan bagi mengembangkan idea. Rutin ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu, **Timur** bagi perkara-perkara yang membuat seseorang itu berasa teruja, **Barat** bagi perkara-perkara yang mendatangkan kebimbangan, **Utara** bagi hal-hal lain yang perlu diketahui dan **Selatan** bagi saranan atau pendirian peribadi berkaitan perkara yang dibincangkan.

Dengan penggunaan rutin berfikir Mata Kompas secara tekal di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) interaksi lisan, diharapkan dapat meningkatkan keupayaan para pelajar menggunakan bahasa dan dapat mengupas isi dengan baik bagi pembelajaran seharian dan untuk menduduki ujian lisan. Selain itu, usaha ini juga mempunyai matlamat untuk menggalakkan para pelajar berfikir secara kritis bagi menjana idea yang baik.

## PERNYATAAN MASALAH

Dapatan daripada latihan lisan yang dijalankan pada Penggal 1 2017 menunjukkan bahawa para pelajar menghadapi masalah mengembangkan idea untuk perbincangan lisan dan penulisan. Budaya berfikir secara aktif, kritis dan kreatif kurang menyerlah dalam kalangan para pelajar. Oleh itu, guru-guru berusaha untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik, inovatif dan interaktif dengan menerapkan penggunaan rutin berfikir MK dalam PdP bagi meningkatkan kemahiran interaksi lisan para pelajar.



## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar bagi kemahiran lisan;
2. menilai keberkesanan rutin berfikir Mata Kompas dalam pengajaran lisan; dan
3. menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dalam menjana idea.


## KAJIAN LEPAS

Antara kajian lepas yang telah dijalankan berkenaan kemahiran berfikir ialah kajian oleh Shari Tishman, *The Thinking Classroom* (1995), yang menekankan tentang budaya berfikir dalam bilik darjah. Kemahiran berfikir perlu diterapkan dalam persekitaran yang menitikberatkannya. Dalam bilik darjah, budaya berfikir melibatkan faktor-faktor bahasa, nilai, harapan dan tabiat menggerakkan kemahiran berfikir. Secara sedar, semua orang di dalam bilik darjah berfikir, termasuk guru, semasa menimbangkan sesuatu, bertanyakan sesuatu dan berimajinasi tentang sesuatu topik atau isu. Perilaku ini didukung oleh persekitaran pembelajaran.

Ron Ritchhart, *Making Thinking Visible* (2011) telah mencipta set rutin berfikir yang merupakan alat berfikir yang dapat merancah pemikiran yang boleh diguna pakai oleh guru dan pelajar dalam bilik darjah. Rutin-rutin ini merupakan asas bagi pendekatan yang digelar Menjadikan Pemikiran Jelas atau MTV. Menerusi kajian *Project Zero* ini, telah terbukti keberkesanan rutin dan proses yang spesifik dalam memudahkan pemahaman pelajar yang lebih mendalam. Melalui mekanisme yang dicipta, pelajar telah dapat membina pemahaman sendiri yang sekali gus menyebabkan kesedaran proses berfikir lebih jelas dan ketara. Justeru, pelajar berupaya mengarah dan mengurus tindakan kognitif mereka secara sendiri.

Sebuah lagi kajian oleh Ron Ritchhart, *Creating Cultures of Thinking* (2015), memperlihatkan budaya berfikir dalam persekitaran sekolah bagi mempromosikan kemahiran berfikir. Pelajar melibatkan diri secara aktif supaya dapat berkomunikasi, bekerjasama, berinovasi dan menyelesaikan masalah.

Khuraisah Mohd Abthar dan Salamah Massa'id (2017) dalam kajian mereka tentang Penerapan Rutin Berfikir dalam Membina Penguasaan Kos Kata Murid-Murid telah membincangkan dapatan kajian yang menunjukkan keberkesanan



penggunaan rutin berfikir dalam peningkatan penguasaan dan penggunaan kosa kata dalam kalangan murid. Murid-murid mampu berfikir secara kritis dan kreatif dan hal ini membantu mereka menjana dan menambah kosa kata.

Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017) dalam kajian mereka Penggunaan Rutin Berfikir dalam Pengajaran Golongan Kata telah menegaskan keberkesanan rutin berfikir dalam meningkatkan pemahaman murid bagi pelajaran golongan kata.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menerapkan rutin berfikir Mata Kompas yang diutarakan oleh Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison dalam buku *Making Thinking Visible: How to Promote Engagement, Understanding, and Independence for All Learners* (2011).

Kajian ini merupakan satu kajian eksperimental. Data yang dikumpulkan berdasarkan cara pelajar mengembangkan idea dalam pembelajaran interaksi lisan. Selain itu, guru juga menjalankan tinjauan ke atas pelajar menerusi borang maklum balas dan refleksi untuk mengetahui pendapat mereka mengenai perkara-perkara yang membatasi kelancaran interaksi lisan mereka.


### **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan tujuh orang pelajar Menengah 3 Ekspres. Para pelajar memiliki tahap keupayaan yang pelbagai. Penguasaan bahasa pelajar pada tahap sederhana.

### **Instrumen Kajian**

Kelakonan para pelajar mengembangkan idea dalam interaksi lisan dinilai dari segi respons semasa pengajaran dalam kelas dan sewaktu latihan lisan secara formal. Borang maklum balas rakan sebaya, senarai semak dan borang refleksi juga digunakan agar guru dapat memantau dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan pelajar.

Guru membuat penelitian untuk melihat respons pelajar ketika melalui proses kajian ini. Setiap aktiviti lisan dirakam dan diulang dengar untuk melihat tahap



perkembangan kemahiran interaksi lisan pelajar. Guru juga mendapatkan maklum balas daripada para pelajar melalui borang penilaian teman dan refleksi sendiri.


### Prosedur Kajian

Kajian ini melibatkan sebanyak tiga kitaran pengajaran dan mengambil masa antara lima hingga enam waktu kurikulum (30 minit bagi setiap waktu pelajaran). Pelajar menggunakan bahan pembelajaran yang berbeza bagi ketiga-tiga pelajaran. Pada pelajaran yang pertama, interaksi lisan berkisar pada gambar yang diberikan. Dalam pelajaran kedua, guru menggunakan teks bacaan sementara pada pelajaran ketiga pula melibatkan perbualan pelajar berdasarkan klip video.

### Bahagian Pertama

Selepas menjalani aktiviti pengenalan berkaitan topik pelajaran, pelajar melakukan aktiviti memahami bahan utama pembelajaran, iaitu gambar, teks dan klip video. Seterusnya, guru mula mencungkil kemahiran berfikir pelajar menggunakan rutin berfikir MK.

**Rajah 1: Templat Mata Kompas**



### Rutin berfikir Mata Kompas TIMUR (Teruja/Terangsang)

Guru bertanya kepada pelajar apakah perkara mengenai gambar/artikel/video yang membuat mereka berasa teruja. Setiap pelajar menulis jawapan mereka di kertas *post-it* lalu menampalkannya di lembaran kerja MK (berukuran A1). Selanjutnya, guru meminta setiap pelajar berkongsi dan menghuraikan secara lisan tentang



apa yang telah dicatatkan. Sebagai langkah susulan, guru meminta pelajar menulis semula isi yang dikongsi mereka di lembaran kerja MK salinan pelajar pula.

#### Rutin berfikir Mata Kompas BARAT (Yang Membimbangkan)

Guru meminta pelajar mencatatkan perkara yang membimbangkan mereka mengenai gambar/artikel/video. Guru kemudian melakukan prosedur pengajaran yang sama seperti yang dilakukan untuk bahagian Timur.

#### Rutin berfikir Mata Kompas UTARA (Yang Ingin Diketahui)

Guru meminta pelajar mencatatkan apa yang mereka ingin ketahui berkaitan perkara-perkara yang dicatatkan dalam ruangan Timur dan Barat rutin berfikir MK dalam ruangan Utara. Bagi bahagian ini, guru menggalakkan pelajar mengemukakan soalan. Guru kemudian melakukan prosedur pengajaran yang sama seperti yang dilakukan untuk bahagian Timur dan Barat.


#### Rutin berfikir Mata Kompas SELATAN (Saranan)

Guru meminta pelajar menggunakan perkara-perkara yang dicatatkan dalam rutin MK Timur, Barat dan Utara untuk memberikan saranan mengenai isu yang dibincangkan dalam ruangan Selatan. Guru kemudian melakukan prosedur pengajaran yang sama seperti yang dilakukan untuk bahagian-bahagian sebelumnya.

### Bahagian Kedua

Guru memaklumkan kepada pelajar yang mereka akan melakukan aktiviti perbualan secara berpasangan berdasarkan senario yang diberikan. Para pelajar harus menggunakan maklumat yang dikumpulkan dalam borang rutin berfikir Mata Kompas untuk perbualan mereka. Guru memberi pelajar masa untuk membuat perbincangan sebelum memulakan aktiviti perbualan.

Semua pasangan akan merakam perbualan mereka dan akan memulakan perbualan secara serentak. Seterusnya, para pelajar menilai perbualan rakan mereka. Guru boleh meminta beberapa pasangan untuk mengulang semula aktiviti perbualan mereka di hadapan kelas dengan menggunakan soalan-soalan yang diberikan. Seterusnya, guru memperdengarkan rakaman perbualan pasangan-



pasangan yang lain dan meminta respons pelajar yang lain. Guru memberi input mengenai perbualan setiap pasangan. Pengajaran diakhiri dengan para pelajar membuat refleksi secara individu.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Selepas melalui tiga pelajaran menggunakan rutin berfikir Mata Kompas, terdapat peningkatan yang amat memberangsangkan dalam interaksi lisan ketujuh-tujuh pelajar 3 Ekspres. Para pelajar dapat menghuraikan perkara-perkara yang mereka catatkan di lembaran kerja MK.

**Jadual 1: Contoh Jawapan Pelajar - Rutin Berfikir Mata Kompas  
Pelajaran 2: HOTA**

### Teruja

Bahagian manakah dalam teks yang membuat kamu berasa teruja tentang HOTA?

Pelajar 1	Organ yang didermakan kepada para pesakit memberi mereka peluang untuk meneruskan hidup seperti orang lain.
Pelajar 2	Sewaktu HOTA baru diperkenalkan, hanya ginjal boleh dipindahkan tetapi sekarang, jantung, hati dan kornea juga boleh dipindahkan kepada pesakit yang berada dalam senarai menunggu.
Pelajar 3	Kita harus mengikrarkan organ kita untuk didermakan selepas kita meninggal dunia.
Pelajar 4	Terdapat 494 pesakit yang berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ baharu demi menyelamatkan nyawa mereka.
Pelajar 5	Sebelum HOTA diperkenalkan, jumlah penderma ginjal serendah tiga orang setahun. Tetapi setelah HOTA diperkenalkan, pemindahan ginjal telah meningkat kepada 13 kes dalam setahun.
Pelajar 6	494 pesakit berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ baharu.
Pelajar 7	Setelah HOTA diperkenalkan, lebih ramai pesakit yang memerlukan organ baharu dapat diselamatkan.



### Yang membimbangkan


Apakah yang membimbangkan kamu tentang HOTA?

Pelajar 1	Saya bimbang sekiranya keluarga saya sendiri adalah antara pesakit yang sedang menunggu untuk mendapatkan organ baharu demi menyelamatkan nyawa mereka.
Pelajar 2	Apabila kita meninggal dunia dan ahli keluarga kita perlukan organ-organ baharu, organ-organ kita mungkin tidak akan dipindahkan kepada mereka.
Pelajar 3	Yang membimbangkan saya ialah ahli keluarga saya tidak semestinya menerima organ saya jika ada pesakit lain yang sedang menunggu. Organ saya akan didermakan kepada pesakit lain dan bukan kepada ahli keluarga saya.
Pelajar 4	Saya bimbang jika ahli keluarga saya berada di akhir senarai orang-orang sedang menunggu, saya tidak dapat menolong mereka kerana organ saya akan diberi kepada orang lain.
Pelajar 5	Jika organ saya tidak boleh diambil dan didermakan walaupun saya hendak menderma.
Pelajar 6	Siapakah yang akan menerima organ saya?
Pelajar 7	Terdapat 494 pesakit dalam senarai menunggu. Adakah nyawa mereka dapat diselamatkan?

### Yang perlu diketahui

Apakah informasi yang kamu perlu tahu mengenai HOTA?

Pelajar 1	Mengapakah pemerintah Singapura mahu semua warganegara Singapura menyertai HOTA secara automatik?
Pelajar 2	Adakah kita boleh menderma semua organ dalam tubuh kita yang boleh didermakan atau adakah had kepada berapa organ yang boleh diderma?
Pelajar 3	Adakah organ saya akan diambil jika saya mati di hospital walaupun saya telah mengisi borang mengatakan bahawa saya tidak mahu mendermakan organ saya?
Pelajar 4	Jika kita sudah meninggal dunia dan tidak mengisi borang keluar daripada HOTA, mengapakah keluarga kita tidak diberikan pilihan untuk membuat keputusan untuk kita yang sudah tiada? Mengapa organ kita akan tetap diambil?





Pelajar 5	Apakah proses yang dijalankan untuk memindahkan semua organ yang hendak diberi dan adakah proses itu senang, seratus peratus selamat dan akan berjaya?
Pelajar 6	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan pekerjaan dalam membuat peraturan-peraturan untuk HOTA?
Pelajar 7	Mengapakah kita semua secara automatik menjadi penderma? Mengapa pemerintah tidak meminta rakyat Singapura mengisi borang untuk menjadi penderma?

### Saranan

Apakah saranan yang dapat kamu berikan untuk menggalakkan lebih ramai orang membuat pertimbangan untuk mendermakan organ mereka?

Pelajar 1	Beritahu mereka bahawa keluarga mereka juga akan mendapat organ daripada penderma lain kalau mereka memerlukannya.
Pelajar 2	Adakan kempen untuk memberitahu semua orang jikalau kita menderma organ, kita memberi peluang kepada mereka yang memerlukan organ-organ tersebut untuk meneruskan hidup seperti insan lain dan memberi mereka harapan untuk hidup.
Pelajar 3	Orang ramai mesti diberitahu jika mereka membuat keputusan untuk menderma organ, ahli keluarga mereka juga akan dapat menerima organ daripada penderma lain kalau mereka sakit dan perlukan organ baharu.
Pelajar 4	Beri ahli keluarga pilihan untuk membuat keputusan untuk kami apabila kami sudah mati dan kami tidak perlu mengisi borang untuk keluar daripada HOTA.
Pelajar 5	Beritahu di televisyen mengapa kita mesti menderma organ dan manfaat-manfaat yang penderma dan ahli keluarganya boleh raih.
Pelajar 6	Suruh tempat-tempat sembahyang seperti masjid dan gereja beritahu bahawa menderma organ akan dapat pahala. Juga, ia boleh menyelamatkan orang lain dan membuatnya gembira.
Pelajar 7	Hantar brosur kepada semua rumah supaya semua orang akan tahu manfaat-manfaatnya apabila kita mengikrarkan organ kita.

Berdasarkan borang penilaian rakan dan sendiri serta rakaman perbualan pelajar, penggunaan rutin berfikir MK dalam pengajaran lisan didapati berkesan dalam menggalakkan pelajar berfikir secara kritis bagi menjana idea sekali gus meningkatkan keupayaan kemahiran lisan mereka. Malah, seorang daripada subjek kajian yang sebelumnya dikenal pasti memiliki tahap keupayaan yang rendah dalam mengembangkan isi perbualan, kini berupaya untuk berinteraksi




dengan lebih baik dalam aktiviti interaksi lisan.

Dapatan yang dikumpulkan melalui borang penilaian sendiri menunjukkan respons yang memberangsangkan. Semua pelajar memberikan maklum balas yang positif bahawa penggunaan rutin berfikir MK telah membantu mereka memahami perbincangan, menghasilkan pendapat peribadi yang berkesan mengenai isu-isu yang diketengahkan dan berupaya berbual mengenainya. Kesemua pelajar juga bersetuju bahawa selepas didedahkan kepada rutin berfikir MK, mereka boleh berbual dengan isi-isi yang lebih menyerlah tentang topik-topik yang dibincangkan.

**Jadual 2: Penilaian Kendiri**

Perkara		Sangat Boleh	Boleh	Hampir Boleh	Masih Mencuba
Saya boleh memahami rutin berfikir mata kompas.	Pelajaran 1	-	7	-	-
	Pelajaran 2	2	5	-	-
	Pelajaran 3	3	4	-	-
Saya boleh memahami perbincangan mengenai topik yang diberikan.	Pelajaran 1	3	4	-	-
	Pelajaran 2	3	4	-	-
	Pelajaran 3	2	5	-	-
Saya boleh menghasilkan pendapat peribadi yang berkesan mengenai sesuatu topik dengan menggunakan rutin berfikir Mata Kompas.	Pelajaran 1	5	1	1	-
	Pelajaran 2	3	4	-	-
	Pelajaran 3	3	4	-	-
Saya boleh berbual dengan rakan mengenai sesuatu topik.	Pelajaran 1	3	3	1	-
	Pelajaran 2	3	4	-	-
	Pelajaran 3	2	5	-	-

Dapatan daripada penilaian rakan berdasarkan rakaman perbualan



dan juga melalui pemerhatian guru, para pelajar didapati bersikap aktif dalam perbincangan dan ketika melakukan aktiviti interaksi lisan. Sebelum para pelajar menilai perbualan rakan-rakan mereka, guru telah terlebih dahulu menerangkan dan memandu pelajar membuat penilaian menggunakan rubrik penilaian yang disediakan. Bagi ketiga-tiga kitaran pelajaran, guru telah meminta setiap pasangan untuk mengulang semula aktiviti perbualan mereka di hadapan kelas. Guru kemudian memandu para pelajar memberikan respons. Seterusnya, barulah guru memperdengarkan rakaman perbualan kumpulan yang lain. Walaupun respons yang diberi memberangsangkan dari segi isi perbualan yang mencukupi dan disusun dengan teliti, namun dua daripada subjek kajian didapati menggunakan kosa kata yang kadang kala tidak sesuai dan perbualan mereka tidak begitu lancar. Perbualan mereka beberapa kali tersekat-sekat. Justeru, walaupun secara umumnya setiap pelajar berjaya menjana idea untuk aktiviti interaksi lisan dengan mengaplikasikan penggunaan rutin berfikir MK, namun kemahiran interaksi lisan mereka masih dibatasi dengan masalah bahasa dan kelancaran.

**Jadual 3: Penilaian Rakan Sebaya**

Perkara		Sangat Baik	Baik	Hampir Baik	Kurang Baik
Isi perbualan mencukupi.	Pelajaran 1	1/7	5/7	1/7	-
	Pelajaran 2	2/7	4/7	1/7	-
	Pelajaran 3	2/7	5/7	-	-
		mengembangkan setiap isi dengan jelas	mengembangkan kebanyakan isi dengan jelas	mengembangkan beberapa isi dengan jelas	tidak mengembangkan sebarang isi
Perbualan disusun dengan teliti.	Pelajaran 1	1/7	5/7	1/7	-
	Pelajaran 2	1/7	5/7	1/7	-
	Pelajaran 3	2/7	5/7	-	-
		menyusun keseluruhan perbualan dengan teliti	menyusun sebahagian besar perbualan dengan teliti	menyusun beberapa bahagian perbualan dengan teliti	tidak menyusun perbualan dengan teliti




Kedua-dua pasangan mempunyai peluang yang sama semasa berbual.	Pelajaran 1	-	5/7	2/7	-
	Pelajaran 2	-	6/7	1/7	-
	Pelajaran 3	2/7	5/7	-	-
		kedua-dua pasangan mempunyai peluang yang sama di sepanjang perbualan	kedua-dua pasangan mempunyai peluang yang hampir sama di sepanjang perbualan	salah seorang pasangan mempunyai peluang yang lebih banyak untuk berbual	salah seorang pasangan mendominasi keseluruhan perbualan
Bahasa dan Kelancaran	Pelajaran 1	1/7	3/7	2/7	1/7
	Pelajaran 2	1/7	3/7	3/7	-
	Pelajaran 3	1/7	4/7	2/7	-
		menggunakan kosa kata yang sesuai di sepanjang perbualan  bertutur dengan lancar dan jelas	selalu menggunakan kosakata yang sesuai  kebanyakan masa lancar	menggunakan kosakata yang kadang kala tidak sesuai  beberapa kali tersekat-sekat	sentiasa menggunakan kosa kata yang terbatas dan tidak sesuai  kerap tersekat-sekat dan teragak-agak

## KESIMPULAN

Penggunaan rutin berfikir MK dapat membantu pelajar melahirkan pemikiran yang jelas dan mengembangkan pendapat semasa aktiviti perbualan. Para pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah terlebih dahulu didedahkan pada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dalam menjana idea bagi aktiviti interaksi lisan. Kini, setelah didedahkan kepada rutin berfikir MK, mereka cuba menerapkan dan menggabungkan kedua-dua rutin tersebut dalam menjana idea dan mengembangkan isi perbualan. Hasilnya, kini mereka berupaya berinteraksi mengenai sesebuah topik dengan lebih yakin kerana masalah ketandusan idea tentang 'apa lagi yang hendak dikatakan' dapat diatasi.

Walaupun banyak masa diperlukan untuk menerapkan penggunaan rutin berfikir dalam pembelajaran bagi usaha menggalakkan pelajar berfikir secara kritis bagi menjana idea, namun masa dan usaha tersebut berbaloi. Natiujahnya, guru harus berusaha mendedahkan para pelajar kepada sesuatu yang mampu



mencabar daya pemikiran dan kemahiran mereka agar mereka lebih teruja dan berkeyakinan untuk berinteraksi dalam aktiviti-aktiviti lisan dan lebih-lebih lagi dalam peperiksaan lisan.

Kesimpulannya, guru dan para pelajar dapat melihat keberkesanan rutin berfikir MK dalam pengajaran lisan. Penggunaan rutin berfikir ini membantu menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif bagi menjana idea sekali gus membantu meningkatkan keupayaan kemahiran lisan mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Northasia Mohamed Sadekan
2. Zuraidah Omar

## RUJUKAN

Khuraisah Mohd Abthar dan Salamah Massa'id (2017). Penerapan rutin berfikir dalam membina penguasaan kosa kata murid dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata Menyampaikan Makna, hlm. 312-321. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017). Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu. Menyempurnakan Kata Menyampaikan Makna, hlm. 483-493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Ritchhart R. (2015). *Creating Cultures of Thinking: The 8 forces we must master to truly transform our schools*. San Francisco: Jossey-Bass

Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Tishman S., Perkins D. & Jay E. (1995), *The thinking classroom: Learning and teaching in a culture of thinking*. Needham Heights: Allyn and Bacon

